

31 OCT 2003

Melaka-Abdullah

MELAKA UCAP TAHNIAH KEPADA ABDULLAH

ALOR GAJAH, 31 Okt (Bernama) -- Kerajaan dan seluruh rakyat Melaka mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berikutan pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri kelima menggantikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata Abdullah diharap dapat meneruskan kecemerlangan dan kegemilangan yang telah dibawa oleh Dr Mahathir sepanjang 22 beliau menjadi Perdana Menteri.

"Kita rakyat Melaka rasa bersyukur dan akan terus menyokong Datuk Seri Abdullah sepenuhnya seperti mana kita menyokong Dr Mahathir dahulu," katanya ketika ditemui selepas mengadakan perjumpaan dengan penduduk di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Melekek di Simpang Ampat, di sini hari ini.

Abdullah, 64, mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri kelima di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Istana Negara di sini petang ini.

Mohd Ali turut menyatakan setinggi-tinggi penghargaan kerajaan negeri kepada Dr Mahathir selama menjadi Perdana Menteri dan jasa serta pengorbanan yang dicurakkannya selama ini hanya Tuhan sahaja yang membalasnya.

"Walaupun beliau tidak lagi menjadi Perdana Menteri, rakyat dan kerajaan Melaka sentiasa mengalu-alukan kedatangan beliau ke negeri ini," katanya.

Sebagai tanda penghargaan, beliau yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri berkata BN negeri akan berusaha bersungguh-sungguh pada pilihan raya umum akan datang untuk memberikan kemenangan yang besar pada parti itu.

"Oleh itu semua anggota BN perlu bekerja keras untuk merampas kerusi-kerusi pembangkang di negeri ini terutamanya kawasan Parlimen Kota Melaka yang sudah 30 tahun dikuasai oleh DAP," katanya.

-- BERNAMA

SBS ROS